

Rujukan kami : JUPEM 18/7/2.148 (79)

Tarikh : 7 Julai 2005



Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri
Semua Pengarah Ukur Topografi
Pengarah Perkhidmatan Pemetaan

**PEKELILING KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BIL. 8 TAHUN 2005**

**WAKTU PERKHIDMATAN KAUNTER
JUALAN PELAN DAN PETA**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan menetapkan dan menyeragamkan waktu perkhidmatan kaunter penjualan pelan dan peta untuk dilaksanakan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri serta Ibu Pejabat selaras dengan pelaksanaan keputusan Kerajaan mengenai Lima Hari Bekerja Seminggu bagi perkhidmatan awam.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pelaksanaan keputusan Kerajaan mengenai Lima Hari Bekerja Seminggu telah dikuatkuasakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2005. Pelaksanaan ini bertujuan membolehkan pegawai dan kakitangan untuk meluangkan lebih masa bersama

keluarga selain menggalakkan industri pelancongan negara serta dapat mengoptimumkan masa urusan di antara jabatan di peringkat persekutuan dan negeri.

- 2.2 Berikutan pelaksanaan tersebut, waktu bekerja di pejabat telah dilanjutkan sepertimana yang terdapat dalam pekeliling berkenaan. Perlanjutan waktu bekerja ini dibuat dengan menggantikan masa kerja pada hari Sabtu kepada hari kerja yang lain. Dalam hal yang demikian, waktu perkhidmatan kaunter jualan pelan dan peta di JUPEM Negeri dan Ibu Pejabat akan turut dilanjutkan selaras dengan pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 13 Tahun 2005.

3. WAKTU PERKHIDMATAN KAUNTER

Waktu perkhidmatan kaunter yang baru bagi di JUPEM Negeri dan Ibu Pejabat adalah seperti berikut:

- 3.1 Waktu perkhidmatan kaunter di Ibu Pejabat dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya seperti berikut :

Hari	Waktu Bekerja
Isnin - Khamis	7.45 pagi – 12.30 tengahari 2.00 petang – 4.45 petang
Jumaat	7.45 pagi -12.00 tengahari 2.45 petang – 4.45 petang

- 3.2 Waktu perkhidmatan kaunter di Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang dan Selangor seperti berikut :

Hari	Waktu Bekerja
Isnin - Khamis	8.15 pagi – 12.30 tengahari 2.00 petang – 4.45 petang
Jumaat	8.15 pagi -12.00 tengahari 2.45 petang – 4.45 petang

- 3.3 Waktu perkhidmatan kaunter di Kedah, Kelantan dan Terengganu seperti berikut :

Hari	Waktu Bekerja
Ahad – Rabu	8.15 pagi – 12.30 tengahari 2.00 petang – 4.30 petang
Khamis	8.15 pagi – 12.30 tengahari 2.00 petang – 4.15 petang

- 3.4 Waktu perkhidmatan kaunter di Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah seperti berikut :

Hari	Waktu Bekerja
Isnin - Khamis	8.15 pagi – 12.30 tengahari 2.00 petang – 4.45 petang
Jumaat	8.15 pagi - 11.15 pagi 2.00 petang – 4.45 petang

- 3.5 Waktu perkhidmatan kaunter di Sarawak seperti berikut :

Hari	Waktu Bekerja
Isnin - Khamis	8.15 pagi – 12.30 tengahari 2.00 petang – 4.45 petang
Jumaat	8.15 pagi - 11.15 pagi 2.15 petang – 4.45 petang

4. TARIKH BERKUATKUASA

Pemakaian pekeliling ini hendaklah dikuatkuasakan mulai tarikh ianya dikeluarkan.

5. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, Pekeliling KPUP Bil. 2 Tahun 1994 bertajuk “Waktu Perkhidmatan Kaunter Jualan Pelan dan Peta” adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”



(DATO' HAMID BIN ALI)
Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia

Salinan kepada :

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan
Pengarah Ukur Bahagian Kadaster
Setiausaha Lembaga Juruukur Tanah